



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JANUARI 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Januari 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.2 bagi Januari 2024. Ini menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan yang lebih baik berbanding dengan Disember 2023. Secara amnya, perniagaan berpandangan optimistik didorong oleh pemulihan permintaan domestik, mengambil kira musim percutian telah tamat, dan projek/pesanan bersempena dengan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja yang telah meningkatkan prestasi perniagaan. Indeks bagi satu bulan [1M] ke hadapan berada pada tahap 50.0, menunjukkan aktiviti perniagaan dijangka lebih kurang sama seperti Januari 2024. Meskipun terdapat perniagaan yang menjangka perbelanjaan domestik akan berterusan dan aktiviti perniagaan akan meningkat bagi persiapan perayaan Tahun Baru Cina di bulan Februari 2024, beberapa perniagaan mengongsikan kebimbangan memandangkan Februari adalah bulan yang pendek dan hari-hari kelepasan awam yang dijangka akan memberi kesan kepada aktiviti perniagaan.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.0 bagi Januari 2024, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.2 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga menjangka akan mengekalkan tahap pelaburan yang lebih kurang sama seperti bulan sebelumnya. Perbelanjaan ini termasuk pengubahsuaian pejabat dan kedai, dan pembelian bahan-bahan, peralatan dan mesin baharu untuk pelaksanaan projek. Perniagaan menjangka akan meningkatkan sedikit perbelanjaan pelaburan pada beberapa bulan seterusnya iaitu bagi pengembangan premis perniagaan dan meningkatkan inventori sebagai persediaan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi Januari 2024 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, terdapat perancangan untuk menambah jumlah pekerja bagi Januari dan Februari 2024. Para peniaga menyatakan keperluan bagi penambahan tenaga kerja selaras dengan rancangan pengembangan perniagaan dan juga persiapan bagi acara-acara dan projek-projek yang akan datang.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.2 bagi Januari 2024 dan 50.6 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga menjangka kos perniagaan akan meningkat pada bulan Januari 2024 disebabkan oleh beberapa faktor termasuk peningkatan pembayaran gaji dengan pengambilan pekerja baharu, bayaran lebih masa, pembayaran bonus, kenaikan gaji tahunan, dan pembelian bahan-bahan mentah bagi projek yang akan datang. Beberapa perniagaan mengaitkan kenaikan kos dengan penglibatan mereka dalam acara Pesta Pengguna 2024 pada bulan Januari, khususnya bagi perbelanjaan pemasaran dan promosi. Bagi Februari 2024, sesetengah perniagaan menjangka kos akan terus meningkat berbanding dengan bulan sebelumnya. Selain daripada kenaikan kos kakitangan secara keseluruhan disebabkan pembayaran bonus yang telah dijadualkan, beberapa perniagaan juga menjangka kenaikan perbelanjaan berkaitan dengan Tahun Baru Cina.

BSI Januari 2024	
Keadaan Perniagaan	50.2
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.2
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.2
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.6

8. Dari segi **sektor ekonomi**, lapan daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan Januari 2024. Sektor Hotel dan Restoran merekodkan sentimen optimistik yang tertinggi dengan indeks pada tahap 50.8. Sektor tersebut dan Sektor Pembuatan mengaitkan sentimen optimistik kepada projek/pesanan berkaitan dengan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, dan perbelanjaan bonus pengguna yang berterusan dari Disember 2023. Di samping itu, Sektor Kesihatan dan Pendidikan menjangka prestasi perniagaan akan meningkat pada Januari 2024 dengan permulaan musim persekolahan dan peningkatan jumlah pendaftaran pelajar. Sektor Perdagangan Borong dan Runcit pula agak optimistik dengan projek-projek yang sedang dijalankan, perbelanjaan pengguna yang masih berterusan, dan tren

bermusim dengan penamatan musim percutian. Sektor Pembinaan menjangka jumlah projek akan bertambah manakala Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Penternakan pula mengongsikan keadaan cuaca yang bertambah baik dan kos pengeluaran yang telah menurun. Sentimen optimistik dari sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan didorong oleh jangkaan keuntungan yang lebih tinggi bagi Januari 2024, manakala sektor Kewangan dan Insurans juga melaporkan keadaan perniagaan yang agak baik disebabkan peningkatan permintaan bagi produk dan perkhidmatan. Sebaliknya, Sektor Pengangkutan dan Komunikasi melaporkan sentimen yang pesimistik dengan tamatnya musim percutian. Sektor Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman juga mencatatkan sentimen yang sedikit pesimistik dengan jangkaan prestasi yang menurun. Sementara itu, Sektor Perkhidmatan Lain melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti Disember 2023.

Keadaan Perniagaan Januari 2024 Mengikut Sektor	
Hotel & Restoran	50.8
Kesihatan & Pendidikan	50.5
Perdagangan Borong & Runcit	50.5
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.4
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.2
Pembinaan	50.1
Kewangan & Insurans	50.1
Pembuatan	50.1
Perkhidmatan Lain	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9
Pengangkutan & Komunikasi	49.4

- Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perniagaan bersaiz kecil, sederhana dan besar melaporkan jangkaan keadaan yang lebih baik pada Januari 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini disebabkan oleh projek-projek berkaitan dengan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, dan aktiviti perniagaan yang dijangka kembali semula kepada tahap normal selepas musim percutian. Sementara itu, hanya perniagaan bersaiz mikro melaporkan sentimen yang pesimistik berbanding dengan Disember 2023.

Keadaan Perniagaan Januari 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	49.9
Kecil	50.1
Sederhana	50.4
Besar	50.2

- Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 16 Sya'ban 1445H / 26 Februari 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/3

## LAMPIRAN 1


### Keadaan Perniagaan



**Nota:** Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yangerosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


### Pelaburan



**Nota:** Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


### Pengambilan Pekerja



**Nota:** Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


## Kos



**Nota:** Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

## BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Januari 2024



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

### Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.